

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	11 APRIL 2017

# PM garis hala tuju baharu Tabung Haji

UM - 11/4/2017

**PUTRAJAYA 10 April** - Datuk Seri Najib Tun Razak menggariskan hala tuju baharu Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) yang perlu memberi penekanan kepada dua kluster iaitu kebajikan jemaah haji Malaysia serta strategi korporat berkesan.

Perdana Menteri menegaskan, kebajikan warga Malaysia yang menunaikan rukun Islam kelima itu wajar dipelihara termasuk dalam urusan tempat tinggal, makan minum serta penjagaan kesihatan.

Selain itu, Najib meminta Tabung Haji untuk melaksanakan penstrukturan semula strategi perniagaan dalam situasi ekonomi global yang mencabar ketika

ini dalam memastikan subsidi jemaah haji dapat terus disalurkan.

Pengerusi Tabung Haji, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim berkata, amanat tersebut dinyatakan oleh Perdana Menteri ketika merasmikan Perbukitan Hala Tuju Tabung Haji yang menghimpunkan tokoh-tokoh korporat serta pegawai-pegawai kanan kerajaan di sini hari ini.

“Kita ada dua kluster, yang satunya berkaitan Rukun Islam kelima, kebajikan (jemaah Haji Malaysia) dan kluster kedua yang digariskan Perdana Menteri adalah berkaitan korporat, bagaimana kita hendak menstrukturkan semula sudut korporat dan eksekutif perniagaan,” katanya ketika ditemui pemberita se-

lepas majlis perasmian berkenaan.

Yang hadir sama, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom dan Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan serta Pengarah Urusan Kumpulan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Seri Johan Abdullah.

Mengulas lebih lanjut, Abdul Azeez berkata, hasil rumusan daripada pemukiman yang turut melibatkan tokoh-tokoh dari syarikat milik kerajaan (GLC), syarikat pelaburan milik kerajaan (GLIC) serta kementerian-kementerian berkaitan itu kemudiannya dibukukan untuk garis panduan jangka panjang Tabung Haji.

“Ia tidak akan terhenti di sini, selepas ini kita akan turun padang minta pandangan orang kampung, apa pandangan mereka, apa pemikiran mereka, ini semua kita akan terjemahkan,” katanya sambil memberitahu, moderator permukiman hari ini ialah Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Abdullah.

Beliau berkata, kepentingan seluruh 9.1 juta pendeposit Tabung Haji di negara ini perlu dipelihara.

Katanya lagi, Tabung Haji memerlukan peruntukan antara RM260 hingga RM300 juta tahun ini untuk subsidi kepada pendeposit Tabung Haji yang menunaikan ibadah haji.